



**AKU JANJI MAJIKAN
(EMPLOYERS UNDERTAKING)
BAGI PENGGAJIAN PEKERJA ASING DI MALAYSIA**

NAMA MAJIKAN: (NO. SYARIKAT:)

NAMA PEGAWAI YANG DIBERI KUASA:

ALAMAT MAJIKAN:

NO. TEL. PEJABAT:

Kami seperti nama dan alamat di atas dengan sesungguhnya mengaku dan berjanji untuk mematuhi segala syarat Aku Janji Majikan bagi penggajian pekerja asing yang dikeluarkan dan dikuatkuasakan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa, sepanjang tempoh penggajian pekerja asing tersebut seperti berikut:

- (i) membayar levi pekerja asing selaras dengan Akta Fi 1951 [Akta 209]; (bayaran levi ini akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2018)
- (ii) menandatangani kontrak perkhidmatan selaras dengan Akta Kerja 1955 [Akta 265] mengikut format kontrak perkhidmatan seperti di lampiran;
- (iii) membayar gaji, elaun kerja lebih masa, memberi cuti dan hari rehat serta faedah-faedah lain yang diperuntukan di bawah Akta Kerja 1955 [Akta 265];
- (iv) mematuhi apa-apa ketetapan oleh Kerajaan berhubung gaji minimum yang diperuntukan di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732];
- (v) menyediakan kemudahan tempat tinggal dan kemudahan asas selaras dengan Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446];
- (vi) tidak memegang dan menyimpan pasport pekerja asing selaras dengan Akta Pasport 1966 [Akta 150];
- (vii) tidak menggaji mana-mana pendatang asing tanpa izin selaras dengan Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155];
- (viii) bertanggungjawab menyelesaikan perbelanjaan perubatan pekerja asing sekiranya tidak dilunaskan oleh pekerja asing tersebut;

- (ix) menghantar pulang pekerja asing yang telah disahkan menghidapi penyakit berbahaya, penyakit berjangkit atau tidak lagi berupaya untuk bekerja;
- (x) memperoleh *Check Out Memo* (COM) daripada pihak Jabatan Imigresen Malaysia sebelum pekerja asing dihantar pulang ke negara asal; dan
- (xi) mematuhi ketetapan-ketetapan lain yang berkaitan dengan penggajian pekerja asing seperti yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

Kami sesungguhnya faham sekiranya kami gagal mematuhi Aku Janji ini, kami boleh –

- (a) dikenakan tindakan di bawah mana-mana undang-undang dan peraturan-peraturan sebagaimana yang dinyatakan di atas; dan/atau
- (b) dikenakan apa-apa tindakan administratif termasuk disenaraihitamkan daripada permohonan untuk menggajikan pekerja asing pada masa akan datang.

.....
(Tandatangan Majikan)

Nama pegawai yang diberi kuasa:
No. Kad Pengenalan/Pasport:
Jawatan:
Tarikh:
No. Telefon Bimbit:
E-mel:

Di hadapan saya:

.....
(Tandatangan Pegawai Tenaga Kerja)

Nama:
Cop Rasmi Jabatan:
No. Kad Pengenalan:
Jawatan:
Tarikh: